

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
TINGKAT 9-14 BANGUNAN UMBC.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR.

2hb. Mei. 1974.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 8 TAHUN 1974

Kadar Sewa Rumah Kerajaan Selepas Pelaksanaan Gaji Bersih di Bawah Perakuan Suruhanjaya Gaji Suffian dan Aziz

Apabila gaji bersih dan syarat-syarat perkhidmatan menurut perakuan Suruhanjaya-Suruhanjaya Gaji Suffian dan Aziz dilaksanakan perbekalan mengenai kadar bayaran sewa rumah Kerajaan adalah seperti yang terdapat di dalam :-

- (i) perenggan 77 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970](#);
- (ii) perenggan 76 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1971](#);
- (iii) perenggan 74 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1971](#);
- (iv) perenggan 61 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1972](#).

2. Seperti yang dinyatakan di dalam perenggan-perenggan tersebut pekerja-pekerja yang berkenaan adalah dikenakan bayaran sewa sebanyak 10 kali ganda daripada sewa rumah namaan yang dikenakan sebelum pelaksanaan gaji bersih dengan syarat jumlah sewa itu tidak lebih daripada 10% daripada gaji bersih mereka, dan pembayaran mengikut kadar tersebut adalah berkuatkuasa mulai daripada 1 haribulan selepas tarikh pemulangan borang pilihan sendiri.

3. Di samping itu perbekalan ada juga diperbuat seperti di dalam:-

- (i) perenggan 80 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970](#);
- (ii) perenggan 78 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1971](#);
- (iii) perenggan 77 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1971](#);
- (iv) perenggan 64 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1972](#).

yang menetapkan bahawa kadarbayaran sewa rumah akan dinaikkan menjadi 10 kali ganda bagi mereka yang telah diberi pinjaman perumahan Kerajaan untuk memperolehi rumah mereka sendiri mulai tarikh rumah itu disahkan boleh diduduki jika rumah itu terletak di dalam daerah pegawai itu bertugas.

4. Walaubagaimanapun, perbekalan dalam perenggan-perenggan yang disebutkan dalam perenggan 3 di atas ada menyatakan bahawa "Selain daripada pekerja-pekerja yang tertakluk kepada peruntukan di perenggan 77/76/74/61 di atas maka.....". yang telah diberi taksiran oleh beberapa pihak yang tertentu sebagai bermakna bahawa mereka yang sudahpun tertakluk di bawah perenggan 77, 76, 74 dan 61 Pekeliling Perkhidmatan masing-masing, iaitu mereka yang sedang berkhidmat sebelum atau pada tarikh pengeluaran Pekeliling Perkhidmatan yang berkenaan dan membuat pilihan memasuki sistem gaji bersih, adalah terkecuali daripada membayar kadar sewa yang dinaikkan seperti yang diperbekalkan di dalam perenggan 80, 78, 77, dan 64 Pekeliling Perkhidmatan masing-masing, walaupun mereka masih menduduki rumah Kerajaan selepas memperolehi rumah sendiri dalam daerah tempat kerja yang sama menerusi pinjaman perumahan Kerajaan. Tafsiran yang sedemikian adalah tidak betul kerana pengecualian diperbekalkan itu adalah ditujukan kepada mereka yang belum mendapat atau memperolehi pinjaman perumahan Kerajaan selepas sekim tersebut dilaksanakan.

5. Oleh hal yang demikian Ketua-ketua Pejabat adalah diingatkan supaya mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pekerja-pekerja yang berkenaan apabila sahaja kedudukan mereka berubah. Peraturan yang sama adalah juga dipakai bagi mereka yang dilantik selepas pengeluaran Pekeliling-pekeliling Perkhidmatan yang berkenaan.

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD SALLEHUDIN BIN AHMAD
JALALUDIN)
Bahagian Gaji,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam
Malaysia.

Semua Ketua-ketua Setiausaha
Kementerian.

Semua Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

sk Yang Berhormat

: Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri Semenanjung
Malaysia.

Setiausaha Pihak Pekerja,
Majlis Bersama Kebangsaan (Perkhidmatan Awam).